



| | | | |
|-------------------|--|--------------------|-------------------------|
| Headline | Sasaran 300,000 Pengunjung Karnival Pendidikan MARA | | |
| MediaTitle | Bernamea(www.bernama.com) | | |
| Date | 16 Mar 2013 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 200 |
| Page No | 17 | Readership | 7 |
| Language | Malay | ArticleSize | 0 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 375 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,125 |

Sasaran 300,000 Pengunjung Karnival Pendidikan MARA

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8382155422&z=1650248883](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8382155422&z=1650248883)

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Majlis Amanah Rakyat (MARA) menyasar program Karnival Pendidikan Mara yang akan diadakan di 10 buah negeri sepanjang tahun ini mampu menarik lebih 300,000 pengunjung. Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Hassan Malek berkata pihaknya optimis mencapai sasaran itu berdasarkan sambutan yang diterima pada karnival tahun lalu dengan jumlah pengunjung seramai 270,000 orang. "Bermula sejak tahun 2000, karnival ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat khususnya pelajar lepasan sekolah yang ingin mengetahui peluang pendidikan dan kerjaya yang ditawarkan kepada mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Pendidikan Mara 2013 peringkat kebangsaan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini selama dua mulai Sabtu. Mengenai usia penubuhan MARA yang kini mencecah 47 tahun pada 1 Mac lalu, Hassan berkata Mara akan terus memainkan peranan penting sebagai ejen transformasi negara serta melaksanakan mobilisasi di kalangan masyarakat bumiputera melalui dua teras utama iaitu keusahawanan dan pendidikan. Beliau berkata kejayaan MARA yang paling besar ialah menghasilkan jumlah penerima manfaatnya yang hampir dua juta orang termasuk 687,249 lepasan pengajian institusi pendidikannya seperti Universiti Kuala Lumpur, German Malaysian Institute dan Maktab Rendah Sains Mara serta lebih setengah juta pelajar yang menerima tajaan dan hampir 150,000 usahawan yang telah dibimbingnya.